



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI IMIGRESEN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI IMIGRESEN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530-\$1,625 EB KHAS \$1,665-\$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEBELAS (11)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Hendaklah berumur 18 tahun ke atas tidak melebihi 25 tahun.
3. Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian komputer.
4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 (tidak mansuh).
5. Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan pemegang pas kerja yang masih sah tempohnya yang memerlukan visa, hendaklah mempunyai *Re-Entry Visa*, jika sekiranya masih lagi bekerja di Negara ini. Jika tidak mempunyai *Re-Entry Visa* hendaklah dirujuk kepada Ketua *Shift*.
2. Memastikan Dokumen Perjalanan yang baru dikeluarkan oleh perwakilan asing di negara ini mempunyai Pas Imigresen yang sah.



3. Memastikan orang-orang yang dikehendaki oleh mana-mana agensi Kerajaan (*Stop List*) hendaklah dilaporkan segera kepada Ketua *Shift* bagi tindakan selanjutnya.
4. Memastikan Dokumen Perjalanan yang baru dikeluarkan oleh Perwakilan asing di Negara ini mempunyai Pas Imigresen yang sah.
5. Memeriksa dan seterusnya memasukkan data-data orang-orang yang keluar melalui Pos Kawalan ke dalam komputer dengan segera. Data tersebut hendaklah dimasukan dan diselesaikan dalam tempoh *shift* yang ditentukan.
6. Memberikan penerangan/penjelasan yang betul jika ada pertanyaan oleh orang yang keluar-masuk yang behubungkait dengan Hal Ehwal Imigresen.
7. Bersedia bertugas dimana-mana kaunter Imigresen jika diaturkan oleh Ketua *Shift*.
8. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa dengan pengetahuan Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.